

12/05/2000

Komponen BN sokong teguran Mahathir

PEMIMPIN parti komponen Barisan Nasional (BN) menyambut baik teguran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya rakyat bersyukur dengan nikmat hasil daripada Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan usaha bagi menghapuskan amalan yang boleh merosak masyarakat seperti gejala politik wang.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata ucapan Dr Mahathir itu adalah menyeluruh yang merangkumi mesej penting seperti usaha membanteras politik wang, menyentuh nilai murni yang semakin terhakis dan nilai Melayu baru.

"Mesej Dr Mahathir itu juga menjurus ke arah galakan untuk saling membantu antara kaum kerana dengan kerjasama itu akan dapat melahirkan generasi bersatu padu yang boleh dibanggakan sebagai bangsa Malaysia," katanya selepas menghadiri majlis perasmian Perhimpunan Agung Umno oleh Dr Mahathir, semalam.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, pula menyifatkan ucapan Dr Mahathir bukan saja wajar dijadikan iktibar oleh ahli Umno, malah perlu dicontohi semua anggota parti komponen bagi mengeratkan perpaduan dalam BN.

"Ucapan Dr Mahathir mengandungi banyak petua dan ajaran yang boleh dijadikan garis panduan baik oleh bakal pemimpin, pemimpin muda dan ahli politik veteran bagi memastikan wawasan kerajaan BN mencapai taraf negara maju tercapai.

"Ini sekali gus dapat memastikan keseluruhan rakyat bersatu di bawah kepimpinan BN yang kukuh dan menumpukan penuh perhatian terhadap perkembangan ekonomi dan pembangunan masyarakat tanpa mengira bangsa," katanya.

Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata nasihat Dr Mahathir supaya anggota Umno mengutamakan keutuhan parti daripada kepentingan peribadi wajar menjadi ikutan semua anggota komponen BN.

"Ini adalah langkah pertama dalam membanteras politik wang yang boleh dijadikan asas memastikan gejala rasuah di semua peringkat, termasuk kerajaan dan swasta, dapat ditangani secara berkesan," katanya.

Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Tan Sri Abdul Taib Mahmud, berkata ucapan Dr Mahathir itu perlu direnung sedalam-dalamnya kerana kemajuan pesat di negara ini memaksa banyak perubahan yang juga memerlukan perubahan cara hidup serta berfikir.

"Perjuangan kita belum selesai. Orang Melayu yang cukup kaya tidak begitu banyak dan kita mahu, jika boleh banyak lagi pada masa akan datang dan kita mahu kehidupan anak cucu kita lebih baik," katanya.

Pengerusi Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP), Datuk Amar Dr George Chan, pula berkata semua parti politik perlu berusaha menghapuskan budaya politik wang kerana jika tiada usaha membendungnya, boleh menghancurkan masa depan negara.

Beliau yang juga Timbalan Ketua Menteri Sarawak berkata, negara ini akan rosak apabila rakyatnya disogok dengan gejala politik wang yang akhirnya akan melahirkan pemimpin rasuah.

(END)